

## Matlamat Baru Kewangan Pada Tahun Baru



di dalam  
**RINGGIT**  
bulan ini

- Fikir Sebelum Pinjam
- Duit Syiling Malaysia Siri Baharu
- Polisi Pendidikan Anak
- Perancangan Kewangan Untuk Bakal Ibu Bapa
- Pelaksanaan Rangka Kerja Perlindungan Motor Bahru
- Tinjauan Terhadap Pembaca Ringgit 2011

ISSN 2180-3684



GABUNGAN  
PERSATUAN-PERSATUAN  
PENGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Sidang Redaksi

## Penasihat

Datuk Marimuthu Nadason  
Presiden FOMCA

## Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

## Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

## Sidang Pengarang

Siti Rahayu bt Zakaria  
Yu Kin Len

*Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan.*

## Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 1D-1, Bangunan SKPPK  
Jalan SS9A/17

47300 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-7876 2009  
Faks : 03-7877 1076

E-mel : fomca@fomca.org.my  
Web : www.fomca.org.my

## Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel :03-2698 8044  
Faks : 03-2174 1515

### Diurus terbit oleh:

### Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 1D-1, Bangunan SKPPK  
Jalan SS9A/17

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7875 2392

Faks : 03-7875 5468

E-mel : info@crrc.org.my  
Web : www.crcc.org.my

### Dicetak oleh:

فوجيتسک اساس جاپی (ملیسیا) ستدیورن بوجد  
Percetakan Asas Jaya

(M) Sdn Bhd

No. 5B Tingkat 2  
Jalan Pipit 2

Bandar Puchong Jaya  
47100 Puchong Jaya  
Selangor Darul Ehsan

*Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencermin pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*



# Matlamat Baru Kewangan Pada Tahun Baru

Cuba tanyakan pada diri anda sendiri, berapa peratuskah matlamat kewangan yang berjaya anda capai pada tahun 2011? Awal tahun 2012 ini merupakan masa yang paling sesuai untuk anda mengenal pasti matlamat perancangan kewangan tahun lalu dan menyemak semula impian serta rancangan kewangan yang tidak terlaksana. Mengenal pasti keadaan kewangan semasa anda adalah satu permulaan yang baik untuk anda perbaiki matlamat kewangan pada masa akan datang. Anda juga perlu menyenaraikan keutamaan dan berazam agar anda benar-benar dapat mencapainya pada tahun ini.

Setiap daripada kita mempunyai matlamat kewangan yang berbeza. Berikut adalah 10 resolusi kewangan yang boleh anda lakukan sempena Tahun Baru 2012.

## 1) Hentikan pembelian yang tidak perlu

Hentikan pembelian yang tidak perlu dan sentiasa mengingatkan diri anda terhadap matlamat utama yang ingin anda capai. Komitmen dalam tempoh jangka masa panjang akan membantu anda dalam meningkatkan keupayaan menguruskan kewangan dengan baik. Pengajaran dan pengalaman

dapat mengubah minda anda dalam membuat keputusan perancangan kewangan.

## 2) Sentiasa semak aliran tunai anda

Sekiranya anda seorang yang tidak dapat mengawal perbelanjaan, anda harus mengetahui cara-cara yang berkesan untuk menyemak dan menguruskan aliran tunai wang masuk dan keluar secara sistematik. Sentiasa **catatkan perbelanjaan** harian dan bulanan anda. Anda boleh lihat corak perbelanjaan sebenar anda dan mulakan langkah untuk mengubah sikap anda berbelanja. Aktiviti ini memerlukan kesabaran dan komitmen yang tinggi. Teruskan mencatat perbelanjaan anda sehingga ke akhir tahun dan nilai semula perubahan yang telah anda lakukan.

## 3) Memberi keutamaan untuk diri sendiri

Bayar untuk diri anda sendiri adalah merupakan perkara yang paling utama. Anda perlu membuat simpanan sekurang-kurangnya 10% daripada gaji bulanan anda. Tingkatkan simpanan dan pelaburan anda dari semasa ke



**“Tingkatkan pengetahuan anda dalam pengurusan kewangan melalui pembacaan ...”**

semasa dengan mengambil kira kadar inflasi. Disiplinkan diri anda untuk membuat simpanan dan langkah yang bijak adalah dengan melakukan bayaran secara automatik ke dalam akaun simpanan anda.

#### **4) Tetapkan matlamat kewangan anda**

Anda perlu menetapkan matlamat kewangan anda dan impian yang ingin anda capai dalam pengurusan kewangan. Contohnya keputusan untuk membeli rumah, berkahwin, melanjutkan pelajaran, pendidikan anak-anak atau persediaan untuk bersara. Sekali lagi, anda perlu melihat senarai keutamaan dalam menetapkan matlamat kewangan anda.

#### **5) Dapatkan perlindungan insurans yang bersesuaian**

Kenal pasti perlindungan yang telah anda beli. Adakah perlindungan tersebut mengikut keperluan anda dan kehendak semasa? Semak semula perlindungan anda, keluarga dan anak-anak anda.

#### **6) Uruskan hutang anda dengan bijak**

Senaraikan hutang anda mengikut urutan jumlah ansuran, baki hutang, kos pinjaman dan tempoh bayaran. Jika bayaran ansuran hutang melebihi 20% pendapatan bulanan, maka anda mungkin mempunyai masalah kewangan. Tetapkan azam dan disiplin anda untuk melunaskan hutang-hutang anda mengikut tempoh bayaran.

#### **7) Libatkan ahli keluarga anda**

Libatkan seluruh ahli keluarga anda dalam pengurusan kewangan. Mulakan tahun baru dengan berbincang dan menentukan perbelanjaan keluarga anda. Didik anak anda untuk menyimpan sebahagian daripada wang saku dan hanya belanja kepada barang yang perlu.

#### **8) Tingkatkan pelan pelaburan anda**

Pelaburan memerlukan tempoh masa yang panjang. Anda perlu tentukan jenis-jenis pelaburan yang bersesuaian dengan diri dan keluarga anda. Rujuk kepada pakar bertauliah sekiranya anda tidak pasti dengan produk-produk pelaburan yang ditawarkan.

#### **9) Peruntukan kewangan anda kepada badan-badan kebajikan**

Dalam mengejar kemewahan anda tidak harus lupa kepada orang-orang yang memerlukan bantuan. Dermakan wang anda kepada badan-badan kebajikan dan anda boleh mendapatkan pengecualian cukai daripada sumbangan tersebut. Sila rujuk Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memastikan badan-badan kebajikan yang mendapat pengecualian cukai.

#### **10) Tingkatkan pendidikan pengurusan anda**

Tingkatkan pengetahuan anda dalam pengurusan kewangan melalui pembacaan majalah, buku-buku dan menghadiri seminar atau kursus. Anda perlu mencungkil rahsia kejayaan “mentor” kewangan anda dan dapatkan nasihat dan tunjuk ajar daripada perunding kewangan anda.



**“Libatkan seluruh ahli keluarga anda dalam pengurusan kewangan.”**



# Fikir Sebelum Pinjam

## Fahami ciri produk dalam membuat keputusan

Faedah ialah caj yang dikenakan ke atas wang yang dipinjam atau keuntungan yang diperoleh daripada wang yang didepositkan. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman adalah ukuran risiko yang diambil pemberi pinjaman.

Semakin tinggi risikonya, maka semakin tinggilah kadar faedah yang dikenakan. Biasanya, terdapat tiga jenis kadar faedah di pasaran. Ini termasuklah:

- 1) **Kadar sama rata:** Faedah dikira berdasarkan jumlah asal nilai pinjaman sepanjang tempoh pinjaman.
- 2) **Kadar tetap:** Faedah dihitung berdasarkan baki pinjaman semasa pada kadar faedah yang tidak berubah-ubah sepanjang tempoh pinjaman.
- 3) **Kadar terapung:** Faedah dihitung berdasarkan baki pinjaman semasa, dengan kadar faedah bersandarkan pada indeks atau kadar asas. Kadar ini boleh berubah-ubah sepanjang tempoh pinjaman. Indeks atau kadar asas faedah yang paling biasa digunakan ialah Kadar Pinjaman Asas (KPA).

Faedah kadar sama rata biasanya adalah lebih tinggi atau mahal. Ia dihitung di atas jumlah asal pinjaman yang dibuat dan dikenakan sepanjang tempoh pinjaman. Sebaliknya, faedah kadar tetap dan kadar terapung pula dikira berdasarkan baki pinjaman semasa.

## Memahami faedah kompaun

Faedah kompaun pada dasarnya seperti faedah biasa.

Ia dikira ke atas pinjaman pokok dan faedah terkumpul. Pengiraan faedah adalah secara tahunan, bulanan dan harian. Kesan faedah lebih ketara mengikut kekerapan pengiraan faedah kompaun. Faedah kompaun juga boleh diibaratkan sebagai pedang bermata dua, iaitu sesuatu yang boleh mendatangkan kebaikan dan keburukan.

Selain daripada memberikan pulangan pelaburan yang lebih tinggi, faedah kompaun juga menyebabkan caj faedah yang lebih banyak jika kelewatan dalam pembayaran balik pinjaman atau hutang kad kredit. Amalan ini biasanya digunakan dalam pengiraan hutang kad kredit.

## Garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai ketelusan dan penzahiran produk

Menyedari pentingnya pemberian maklumat tentang produk yang mencukupi kepada pengguna dan perkhidmatan secara telus oleh penyedia khidmat kewangan, BNM mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Ketelusan dan Penzahiran Produk. Garis panduan ini membantu meningkatkan piawaian penzahiran untuk produk kewangan runcit bagi bertujuan membantu pengguna membuat keputusan bijak melalui penzahiran yang bermakna dan tepat pada masanya.

Menerusi garis panduan ini, BNM memerlukan penyedia perkhidmatan kewangan untuk memaklumkan semua ciri produk kewangan runcit untuk membantu pelanggan membuat keputusan kewangan yang bijak.

Anda dinasihatkan meminta dan memahami ciri produk sebelum membuat sebarang keputusan untuk menerima mana-mana kemudahan pinjaman.

## MAKLUMAT PENTING

- Meminjam untuk memenuhi keperluan dan bukan kehendak atau meminjam untuk tujuan produktif saja.
- Meminjam mengikut kemampuan - mengehadkan nisbah hutang kepada pendapatan tidak melebihi 40 peratus.
- Apabila meminjam, fahami tiga peraturan meminjam iaitu tujuan pinjaman, keupayaan membayar balik dan sejarah pembayaran.
- Fahami jenis kadar faedah dan kesan terhadap keseluruhan kos pinjaman.
- Ketahui risiko sebelum menjadi seorang penjamin kerana jika peminjam gagal membayar balik pinjaman, maka penjamin yang akan bertanggungjawab menjelaskan pinjaman tersebut.

Sumber : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit



## Duit Syiling Malaysia Siri Baharu

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan duit syiling Malaysia siri baharu untuk edaran secara berperingkat-peringkat mulai 16 Januari 2012. Orang ramai boleh mendapatkan duit syiling baharu ini melalui urus niaga biasa mereka.

Duit syiling baharu yang dikeluarkan dalam denominasi 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen adalah sah diperlakukan bersama-sama dengan duit syiling-duit syiling siri yang sedia ada. Walau bagaimanapun, duit syiling siri sedia ada tersebut akan dikeluarkan daripada edaran secara beransur-ansur menerusi sistem perbankan. Bagi memastikan peralihan yang lancar kepada penggunaan duit syiling baharu ini, vendor yang mengendalikan mesin wang tunai telah diberikan tempoh masa yang mencukupi untuk mengubah suai mesin mereka agar boleh menerima duit syiling baharu ini.

Ciri-ciri unik yang mencorakkan budaya dan warisan negara menjadi sumber inspirasi reka bentuk duit syiling terbaharu ini. Bertemakan ‘Keunikan Malaysia’, corak-corak yang dipilih memaparkan keindahan alam semula jadi, budaya dan khazanah negara.

Duit syiling baharu ini dibuat menggunakan kemajuan terkini dalam teknologi pembuatan duit syiling dan mengandungi ciri-ciri moden dan mesra pengguna. Berbanding dengan duit syiling siri-siri terdahulu, duit syiling baharu ini adalah lebih kecil dan ringan. Ia juga diperkenalkan dalam dua skema warna, iaitu warna kuning dan perak, dan tempaan gerigi tepi yang berbeza-beza bagi memudahkan orang ramai dan mereka yang kelainan upaya penglihatan untuk mengecam dan membezakan dengan lebih baik jenis-jenis duit syiling yang berlainan.

Di samping itu, duit syiling baharu ini turut memasukkan ciri-ciri keselamatan unik yang mesra pengguna. Ciri keselamatan imej pendam (*latent image*) yang terdapat pada duit syiling 50 sen baharu berupaya untuk memudahkan orang ramai memeriksa ketulenan duit syiling tersebut dengan cara mencondongkan duit syiling berkenaan pada suatu kedudukan. Pada kedudukan tersebut, orang ramai akan dapat melihat imej pendam yang terhasil daripada pantulan cahaya.

# Reka Bentuk Duit Syiling

## Bahagian Hadapan Duit Syiling

Bahagian hadapan duit syiling setiap denominasi memaparkan empat belas titik untuk melambangkan tiga belas negeri serta Wilayah Persekutuan, manakala lima garis mendatar pula melambangkan lima prinsip Rukun Negara (kecuali duit syiling 50 sen). Garis-garis halus pada bahagian hadapan duit syiling 50 sen adalah sebahagian daripada ciri-ciri keselamatan baharu.

Motif bagi setiap denominasi adalah seperti yang berikut:

Denominasi	Ikon
50 sen	Sulur Kacang
20 sen	Bunga Melur
10 sen	Motif Orang Asli
5 sen	Destar Siga

## Bahagian Belakang Duit Syiling

Bahagian belakang semua duit syiling 5 sen, 10 sen, 20 sen dan 50 sen memaparkan motif yang sama iaitu bunga raya, yang merupakan bunga kebangsaan Malaysia, angka yang menunjukkan tahun penempaan, nilai muka duit syiling yang berkenaan dan perkataan 'Bank Negara Malaysia' sebagai pihak berkuasa yang mengeluarkan duit syiling.

Sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 500,000 set duit syiling peringatan yang dipakej secara khas. Setiap set duit syiling peringatan yang merangkumi kesemua denominasi ini dijual pada harga RM10 setiap satu. Orang ramai boleh membeli set duit syiling peringatan ini di ibu pejabat Bank Negara Malaysia, cawangan Bank Negara Malaysia di Kuala Terengganu, Kota Kinabalu, Kuching atau Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia di Pulau Pinang dan Johor Bahru **sehingga stok masih ada**.

Untuk maklumat lanjut mengenai duit syiling baharu ini, orang ramai boleh menghubungi **BNMTELELINK** di talian **1-300-88-5465** atau menelefon **03-26988044 samb. 8658**, atau melayari laman sesawang Bank Negara Malaysia di [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

*Sumber: Bank Negara Malaysia*



**“ ..duit syiling baharu ini turut memasukkan ciri-ciri keselamatan unik yang mesra pengguna.”**

# Polisi Pendidikan Anak

Polisi pendidikan anak ialah produk insurans hayat yang direka khusus sebagai satu cara menabung untuk menyediakan sejumlah wang apabila anak anda mencapai umur untuk memasuki institusi pengajian tinggi (18 tahun dan ke atas). Dana ini boleh digunakan bagi membayai sebahagian daripada perbelanjaan pendidikan tinggi anak anda. Selain itu, sekiranya anda mengambil perlindungan tambahan, iaitu manfaat pembayar, polisi pendidikan memberi jaminan bahawa sekiranya ibu bapa atau penjaga yang sah meninggal dunia, anak anda akan mempunyai akses kepada dana untuk membayai perbelanjaan pendidikannya.

Di bawah polisi pendidikan anak, ibu bapa / penjaga yang sah merupakan empunya polisi dan anak adalah hayat yang diinsuranskan.

## Mengapa anda perlu membuat perancangan untuk pendidikan anak anda?

Kos pendidikan semakin meningkat, disebabkan berbagai faktor termasuklah inflasi. Kos yang kian meningkat ini boleh mengakibatkan ibu bapa/penjaga yang sah menanggung beban kewangan apabila anak mereka memulakan pendidikan tinggi. Lebih awal anda membeli polisi insurans, lebih banyak masa untuk wang anda bertambah dan menjadi berlipat ganda supaya dapat membayai pendidikan tinggi anak anda dengan lebih baik.

## Berapa banyak perlindungan yang anda perlukan?

Langkah pertama dalam menentukan amaun perlindungan adalah dengan menetapkan matlamat anda. Apakah matlamat anda berhubung dengan pendidikan anak anda? Berikut ialah beberapa faktor yang mungkin perlu anda pertimbangkan apabila menentukan tahap perlindungan :-

- Tempat belajar
- Tahap kelayakan



- Universiti yang dipilih
- Bidang pengajian
- Jangka masa pengajian

Dengan mengkaji faktor-faktor di atas, ia boleh membantu anda membuat anggaran kos yang dijangkakan. Sebagai panduan, anda boleh mencampurkan yuran tahunan kursus dengan jangkaan perbelanjaan sara hidup dan mendarabkan amaun tersebut dengan bilangan tahun pengajian. Ini akan memberi gambaran tentang jumlah kos yang ditanggung hari ini.

Apabila anda mengambil kira inflasi, jumlah kos yang diperlukan itu mungkin di luar kemampuan anda. Walau bagaimanapun, anda tidak perlu bimbang kerana sekiranya anda menyimpan wang secara bijak melalui pelan simpanan atau pelaburan, pulangan daripada pelaburan atau simpanan yang terkumpul dalam jangka masa beberapa tahun dapat membantu anda membayai kos pendidikan tersebut.

## Jenis polisi pendidikan anak

Terdapat dua jenis polisi pendidikan anak yang utama iaitu polisi endowmen dan polisi berkaitan pelaburan. Perbezaan antara dua jenis polisi ini adalah dari segi struktur dan jenis pelaburan.

- **Polisi endowmen**

Polisi endowmen menggabungkan komponen simpanan dan perlindungan. Polisi endowmen mungkin berbentuk *sertaan* atau *tanpa sertaan*. *Polisi tanpa sertaan* tidak berkongsi keuntungan kumpulan wang insurans hayat tetapi jumlah yang diinsuranskan dijamin sepenuhnya. Bagi *polisi sertaan* pula, jumlah yang diinsuranskan masih dijamin sepenuhnya. Walau bagaimanapun, jumlah pulangan pelaburan yang diperoleh pada masa polisi matang tidak dijamin kerana ia tertakluk kepada prestasi kumpulan wang insurans hayat sertaan syarikat insurans.

- **Polisi berkaitan pelaburan**

Polisi berkaitan pelaburan menggabungkan unsur pelaburan dan perlindungan berdasarkan keperluan anda selaku empunya polisi. Anda boleh menambah caruman premium bulanan atau menambah simpanan anda apabila pendapatan anda meningkat. Sekiranya anda ingin lebih agresif dengan instrumen pelaburan, polisi berkaitan pelaburan juga membolehkan anda memilih jenis dana yang anda ingin laburkan. Walau bagaimanapun, seperti mana-mana pelaburan lain yang seumpamanya, ia melibatkan risiko yang lebih tinggi dan tidak ada jaminan pulangan pelaburan.



**“Jenis polisi yang anda beli bergantung pada matlamat dan toleransi anda terhadap risiko.”**

## **Apakah jenis polisi yang patut anda beli?**

Jenis polisi yang anda beli bergantung pada matlamat dan toleransi anda terhadap risiko. Sebelum anda membeli sesuatu polisi, pastikan ejen anda menjalankan proses penilaian berdasarkan fakta untuk menentukan polisi yang sesuai dengan keperluan dan kemampuan kewangan anda. Selain itu, anda boleh memilih polisi yang akan membayar manfaat apabila polisi matang secara sekali gus, atau berperingkat-peringkat.

## **Perkara-perkara yang anda perlu ketahui ketika memilih polisi pendidikan anak**

- **Pastikan anda memilih perlindungan tambahan, iaitu manfaat pembayar**

Pilih polisi yang mengecualikan bayaran premium sekiranya empunya polisi tidak lagi berupaya membayar premium polisi tersebut akibat berlaku peristiwa seperti kematian, disahkan berpenyakit kritikal atau hilang upaya menyeluruh dan kekal. Dengan memilih manfaat pembayar, dana polisi pendidikan tersebut akan terjamin sekiranya sesuatu berlaku ke atas empunya polisi.

- **Pastikan anda mampu membayar premium**

Menabung melalui insurans mendisiplinkan seseorang untuk terus memperuntukkan sejumlah wang secara tetap setiap tahun sehingga polisi matang. Ia merupakan proses jangka panjang, dan dengan demikian, anda perlu membuat anggaran jumlah premium yang anda mampu bayar berdasarkan pendapatan dan perbelanjaan semasa anda. Sekiranya anda bermula dengan amaun yang lebih besar daripada kemampuan anda, anda mungkin terpaksa menamatkan polisi lebih awal dan menanggung kerugian kewangan. Oleh itu, sekiranya anda tidak mampu membayar banyak pada masa sekarang, mulakan dengan amaun yang kecil.

- **Jangan tambah perlindungan yang tidak perlu**

Banyak polisi pendidikan menawarkan perlindungan tambahan seperti insurans perubatan hospital, pembedahan atau perlindungan penyakit kritikal. Kos perlindungan tambahan tersebut akan mengurangkan amaun simpanan. Harus diingat bahawa anda menginsuranskan hayat anak anda. Oleh itu, perlindungan tambahan seperti penyakit kritikal mungkin tidak perlu kerana kemungkinan menghidap penyakit kritikal dalam kalangan kanak-kanak adalah kecil.

Sumber : infoinsurans



# Perancangan Kewangan Untuk Bakal Ibu Bapa

Ketika menanti kehadiran si kecil, kebanyakan pasangan mengabaikan aspek perbelanjaan yang bakal mengiringi cahaya mata mereka. Hal-hal yang dahulunya tidak penting, kini mula menjadi keutamaan. Contohnya perbelanjaan untuk lampin, susu, baju bayi, kos perubatan dan sebagainya. Sekiranya anda mula membuat bajet dan pelan kewangan keluarga, besar kemungkinan tidak akan wujud banyak masalah berhubung pelbagai keperluan untuk anak yang bakal lahir kelak.

## Langkah-langkah mengurus kewangan keluarga anda

### Langkah 1: Ketahui kedudukan kewangan anda

Setiap pasangan ibu bapa pasti setuju bahawa keperluan si kecil mengatasi segala aspek lain. Akan tetapi, jangan abaikan komitmen kewangan yang sedia ada seperti pembiayaan rumah, kereta dan sebagainya, kerana ia juga sebahagian daripada tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Apabila berbincang tentang perbelanjaan keluarga, anda perlu ingat bahawa perbelanjaan yang akan datang bukan sahaja untuk keperluan bayi seperti baju dan lampin, tetapi juga untuk keperluan ibu sebelum dan selepas bersalin.

### Langkah 2: Buat senarai semak

Senarai semak banyak membantu ketika membuat perancangan kewangan. Anda dan pasangan seharusnya menyenaraikan barang atau perkhidmatan yang anda perlukan mengikut kategori, seperti peralatan untuk perjalanan jauh, perabot bayi, perkakas mandian, pemakanan bayi dan lain-lain. Dengan menyenaraikannya mengikut kategori, anda dapat mengenal pasti sekiranya terdapat barang keperluan lain yang masih belum disenaraikan. Jangan lupa untuk memasukkan satu kategori, bagi keperluan kecemasan, contohnya apabila isteri terpaksa

menjalani pembedahan bagi melahirkan anak atau lain-lain keperluan perubatan yang mungkin terlibat.

### Langkah 3: Buat perbandingan harga barang

Ketika membeli-belah berdasarkan senarai semak anda, jangan terlalu gopoh dengan terus membeli barang pertama yang anda lihat. Luangkan sedikit masa untuk membandingkan harga jenama-jenama yang berbeza dan pastikan anda mencatat harga



*"Anda dan pasangan seharusnya menyenaraikan barang atau perkhidmatan yang anda rasa perlu mengikut kategori ..."*

barangan tersebut dalam senarai semak anda. Jangan terpengaruh dengan jenama terkenal. Selalunya, anda boleh membeli barang yang sama kualitinya setanding dengan barang berjenama, tetapi pada harga yang lebih rendah. Di samping itu, jangan malu untuk bertanya kepada jurujual tentang kegunaan barang-barangan bayi yang dibeli. Kadangkala, barangan yang anda rasa perlu dibeli sebaik sahaja bayi dilahirkan sebenarnya hanya diperlukan apabila bayi anda lebih besar kelak.

#### **Langkah 4: Beli apa yang perlu sahaja**

Setelah selesai membandingkan harga dan barangan yang diperlukan, lihat kembali senarai semak anda. Bezakan antara barangan yang betul-betul mustahak untuk menyambut ketibaan bayi dan apa pula barangan yang boleh ditangguhkan pembeliannya pada kemudian hari. Pada masa yang sama, keluarkan senarai barang yang tidak perlu daripada senarai semak dan tandakan barangan yang boleh ditangguhkan (KIV).

#### **Langkah 5: Buat senarai permintaan (*wish list*)**


Selalunya, ahli keluarga dan sahabat handai gemar membelikan hadiah untuk si kecil. Adakalanya, disebabkan terlalu banyak barangan bayi yang terdapat di pasaran, mereka kurang pasti apa yang harus dibeli dan akhirnya membeli barangan seperti permainan

atau barang lain yang tidak begitu diperlukan ataupun membeli barang yang sama sahaja. Oleh itu, buatlah satu senarai permintaan (*wish list*) untuk barangan yang anda mahu, bersama dengan harga dan di mana barang tersebut boleh dibeli. Kemudian, sebarkan senarai tersebut melalui e-mel, blog-blog ataupun rangkaian-rangkaian sosial yang lain agar sahabat-handai anda boleh menghadiahkan barangan tersebut kepada anda.

Pada peringkat ini, anda mungkin sudah mengetahui cara-cara berhadapan dengan isu-isu kewangan yang bakal dihadapi. Jangan lupa tentang perbelanjaan akan datang yang perlu ditanggung seperti pemeriksaan bulanan bayi, pusat asuhan atau penjagaan bayi. Anda juga sepatutnya mula memikirkan tentang pilihan pelaburan bagi simpanan pendidikan anak anda. Dengan memulakan simpanan pendidikan, anda bukan sahaja menjamin masa depan si kecil, malahan masa depan anda sendiri.

Dengan mengaplikasikan langkah-langkah di atas, adalah diharapkan anda dapat melalui pengalaman indah sebagai ibu dan bapa tanpa perlu risau tentang masalah-masalah kewangan yang mungkin menimpa. Menimang cahaya mata sudah semestinya satu pengalaman yang sangat manis. Rancang kewangan dari sekarang agar kelahiran si kecil memberikan lebih makna kepada kehidupan anda.

© Securities Industry Development Corporation. Untuk maklumat lanjut tentang pengurusan kewangan dan pelaburan bijak, layari laman web Pelabur Malaysia ([www.min.com.my](http://www.min.com.my))



**“Bezakan antara barangan yang betul-betul mustahak untuk menyambut ketibaan bayi dan apa pula barangan yang boleh ditangguhkan pembeliannya pada kemudian hari. ”**



## Pelaksanaan Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu

Sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu (Rangka Kerja) yang dirumuskan untuk menangani isu struktur dalam sektor insurans motor, Bank Negara Malaysia memaklumkan mengenai kemajuan langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil untuk menjadikan proses penyelesaian tuntutan dan pelaksanaan pelarasan premium menjadi lebih baik sejak pengumumannya pada 11 Mac 2011.

Bagi memastikan orang ramai boleh membeli insurans motor pada kadar premium yang berpatutan, beberapa langkah segera telah diperkenalkan pada bulan Mei 2011. Antara langkah yang diambil termasuklah memastikan orang ramai boleh mendapatkan perlindungan motor daripada *Malaysian Motor Insurance Pool* melalui syarikat insurans am atau cawangan-cawangan mereka, dan juga melalui cawangan Pos Malaysia di seluruh negara.

Selain itu, untuk memastikan langkah-langkah penambahbaikan tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan, sebuah Jawatankuasa Kerja Bersama (JWC) telah ditubuhkan pada bulan April 2011. JWC ini terdiri daripada wakil-wakil kementerian utama, industri insurans dan takaful, persatuan pengguna dan pengangkutan serta Majlis Peguam Malaysia. Beberapa langkah penambahbaikan yang diambil telah menjadikan proses penyelesaian tuntutan lebih cekap, dengan tempoh masa penyelesaian tuntutan kecederaan diri lebih singkat, khususnya bagi kes yang diselesaikan melalui pengantaraan mahkamah. Langkah-langkah lain yang diambil untuk meningkatkan kecekapan termasuklah rujukan kepada *Compendium of Personal Injury Awards* oleh hakim dalam menetapkan bayaran ganti rugi bagi kecederaan diri serta penguatkuasaan tarikh akhir bagi mendapatkan laporan polis dan perubatan.

Langkah-langkah lain yang akan dilaksanakan pada suku pertama 2012 untuk meningkatkan lagi kecekapan termasuklah pengenalan kit tuntutan insurans motor untuk mempercepat laporan kemalangan dan tuntutan, serta penubuhan pusat panggilan 24 jam di seluruh negara untuk memberikan

bantuan segera kepada mangsa kemalangan di tempat kejadian.

Selanjutnya, penyelarasan terhadap kadar premium Tarif Motor telah dilaksanakan secara berperingkat bermula dari 16 Januari 2012. Ini merupakan pelarasan kali pertama kerana kadar premium ini tidak pernah dikaji semula dalam tempoh 30 tahun yang lalu. Sepanjang tempoh tersebut, bilangan pemilik kenderaan, kadar kemalangan dan tuntutan insurans di Malaysia didapati telah meningkat dengan nyata. Selain itu, kos rawatan di hospital, perbelanjaan perubatan dan kos membaiki kenderaan dan alat ganti juga telah meningkat.

Pelarasan premium ini adalah dalam jumlah yang kecil dan akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh empat tahun. Kesannya kepada orang ramai dan perniagaan adalah kecil. Sebagai contoh, bagi perlindungan pihak ketiga, premium insurans bagi motosikal berkapasiti 110 cc akan mengalami kenaikan antara RM1.00 - RM3.50 setiap tahun (maksimum 30 sen setiap bulan) dalam jangka masa empat tahun. Bagi kereta persendirian yang berkapasiti 1,400 cc, pelarasan premium adalah antara RM6.00 - RM34.00 setiap tahun (maksimum RM2.80 setiap bulan) dalam jangka masa yang sama. Bagi kenderaan perdagangan seperti teksi luar bandar dan bas, kesan daripada pelarasan premium terhadap penumpang adalah kecil, iaitu kurang daripada 10 sen bagi setiap penumpang dan setiap perjalanan.

Pelarasan kadar premium Tarif Motor akan dikaji semula secara berkala bagi memastikan kadar premium yang dilaraskan terus mencerminkan pengalaman tuntutan. Rangka kerja ini akan merintis jalan ke arah pelonggaran tarif sektor insurans motor pada tahun 2016, iaitu apabila kadar premium akan dibezakan lagi mengikut profil risiko kenderaan individu dan lebih berpatutan kepada pemilik kenderaan kerana pemilik kenderaan yang mempunyai pengalaman tuntutan yang baik akan menikmati kadar premium yang lebih wajar berbanding dengan pemilik kenderaan lain yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi.

Bagi memastikan orang ramai mendapat maklumat dan manfaat daripada Rangka Kerja ini, terutamanya penambahbaikan proses penyelesaian tuntutan motor, Bank Negara Malaysia dan industri insurans akan terus memberi maklumat tentang isu insurans motor kepada orang ramai melalui program kesedaran dan jangkauan pengguna yang sedang dijalankan.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Rangka Kerja ini boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di **TELELINK: 1-300-88-5465** atau layari mana-mana laman sesawang berikut [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) atau [islamicfinanceinfo.com.my](http://islamicfinanceinfo.com.my). Pertanyaan juga boleh dikemukakan sama ada kepada Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) atau penanggung insurans individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



## JANGAN JADI MANGSA!

Berhati-hati dengan penipuan kewangan melalui panggilan telefon, e-mel dan SMS

### Sentiasa Berjaga-jaga!

Jangan dedahkan maklumat keselamatan kewangan anda kepada sesiapa sahaja dalam apa jua keadaan pun, sekiranya anda menerima panggilan telefon, SMS atau e-mel yang tidak diundang. Lindungi diri anda dengan tidak melayan mana-mana pihak tidak diundang yang menghubungi anda.

Untuk sebarang pertanyaan atau nasihat lanjut, sila hubungi Bank Negara Malaysia di:

**BNMTELELINK** (Pusat Perhubungan Pelanggan)



**1-300-88-5465**

Faks : 03-2174 1515 E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)  
(Waktu urusan: Isnin – Jumaat, 9:00 pagi – 5:00 petang)

Bank Negara Malaysia dan bank perdagangan TIDAK AKAN menghubungi anda meminta maklumat tersebut. Kami juga tidak akan meminta anda membuat sebarang pemindahan wang. Jika anda telah menerima permintaan seperti itu, JANGAN mengendahkannya.

Untuk menghantar pertanyaan melalui perkhidmatan sila taip:

**BNM TANYA**  
[pertanyaan/  
aduan anda]

dan hantar  
kepada  
15888



<http://fraudalert.bnm.gov.my>



<http://facebook.com/bnm.official>

#### Bank Negara Malaysia

Talian Tol : 1-300-88-5465  
E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)  
Laman web : [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

#### Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)

Talian Tol : 1-300-88-9980  
E-mel : [banks@abm.org.my](mailto:banks@abm.org.my)  
Laman web : [www.abm.org.my](http://www.abm.org.my)

#### Agenzia Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Talian Tol : 1-800-88-2575  
E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)  
Laman web : [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)

#### Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)

Talian am : 03-2272 2811  
E-mel : [enquiry@fmb.org.my](mailto:enquiry@fmb.org.my)  
Laman web : [www.fmb.org.my](http://www.fmb.org.my)

**Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada [ringgit@crrc.org.my](mailto:ringgit@crrc.org.my)**